


kosmo
4/12/2016
mls 21



POTRET pemilik muzium itu iaitu Pitt Rivers turut digantung di muzium tersebut.

Muzium dengan 500,000 barang pelik



Muzium Pitt Rivers di England menempatkan lebih 500,000 barang-barang pelik dari serata dunia termasuklah kepala manusia yang sudah reput.



BANGUNAN tiga tingkat yang dicat dengan rona kuning cair dengan menampilkan seni bina zaman Victoria itu cukup memukau sesiapa yang melihat.

Terletak di bandar Oxford, England, ia sudah wujud sejak awal tahun 1700-an lagi.

Bangunan itu kini merupakan sebuah muzium yang cukup

supaya ia menjadi licin. Kulit ikan jerung tersebut kini ditempatkan di muzium itu bersama barangan lain seperti aksesori wanita iaitu rantai, dan juga mata kail dari negara Vanuatu.

BAHAGIAN dalam muzium ini yang menempatkan sehingga 500,000 barangan pelik dari seluruh dunia.

suasana seram. Menurut seorang pengunjung dari San Francisco, Amerika



KEPALA manusia yang sudah reput menjadi antara bahan pameran di muzium tersebut.

terkenal dalam kalangan orang tempatan.

Dipanggil Muzium Pitt Rivers, ia menempatkan sehingga 500,000 barangan unik dan pelik dari seluruh dunia.

Antaranya termasuklah satu kepingan kulit ikan jerung sepanjang 30 sentimeter yang digunakan oleh masyarakat Tonga lebih 240 tahun dahulu.

Masyarakat Tonga pada zaman itu akan menggosok kulit ikan jerung tersebut pada permukaan mangkuk makanan yang kasar dan juga barang-barang kayu

Suasana malap

Muzium itu menempatkan banyak ruang pameran namun masyarakat di Oxford seakan-akan tidak berminat untuk berkunjung ke Pitt Rivers.

Hal ini kerana mereka menyifatkan bangunan muzium itu seolah-olah terlalu misteri. Pintu masuk utamanya hanya boleh diakses melalui satu laluan kecil yang terletak di belakang Muzium Bersejarah Oxford.

Selain itu, keseluruhan bangunan muzium tersebut juga malap dan menimbulkan

kegemarannya. Syarikat yang hanya dikenali sebagai Stephanie, dia cukup teruja dapat berkunjung ke muzium tersebut dan menyifatkan aras paling bawah adalah kegemarannya.

“Aras itu menempatkan pelbagai jenis kain renda dari pelbagai era selain model-model rumah pelbagai suku kaum masyarakat di dunia,” ujarnya.

Bagi seorang lagi pengunjung dari Chicago, Julie, dia cukup sukakan dekorasi di dalam muzium tersebut biarpun ia sedikit sempit.

“Di dalamnya terdapat pelbagai barang yang belum pernah saya lihat seumur hidup,” katanya.

Mengikut sejarah, bangunan tersebut mula dijadikan sebagai sebuah muzium oleh pegawai tentera British, Leftenan Jeneral Augustus Henry Lane-Fox Pitt Rivers pada tahun 1884.

Beliau merupakan seorang pengkaji sejarah dan gemar mengumpul barang-barang antik.

Muzium tersebut menyimpan sehingga 22,000 barang-barang antropologi milik Pitt Rivers.

Kini, ia telah menjadi galeri pameran tiga tingkat yang mempamerkan pelbagai jenis

barangan pelik yang dikutip dari seluruh dunia.

Diasingkan

Menurut portal berita antarabangsa British Broadcasting Corporation, apa yang membuatkan Muzium Pitt Rivers bertambah pelik ialah cara barang-barang pameran diasingkan.

Kesemua barangan di situ tidak diasingkan mengikut tahun ia dihasilkan atau tarikh dijumpai tetapi ia diasingkan mengikut kegunaan sesuatu barang.

Melalui pengasingan itu, pengunjung yang datang boleh membandingkan barang-barang dari jenis atau kategori sama namun dihasilkan dalam era berbeza.

Antara barang pameran paling mencuri tumpuan di muzium tersebut adalah enam kepala manusia yang sudah reput dipercayai milik warga Afrika Selatan lebih 100 tahun lalu.

Biarpun sudah reput, enam kepala tersebut masih lengkap dengan bulu mata dan rambut.

Muzium seluas 872.3 meter persegi itu juga menempatkan koleksi senapang dan pistol milik Pitt Rivers. Ia diletakkan pada tingkat tiga bangunan tersebut.

BANGUNAN muzium tiga tingkat ini agak digeruni oleh orang ramai kerana ia mempamerkan barang-barangan pelik dari pelbagai era.

